

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS KONVOKESYEN KE 10 UTEM**  
*27 SEPTEMBER 2014*  
*SESI 1*

**(Slide 1: Konvo 10)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Melaka Maju  
Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 752  
tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat**

**(Slide 2: Gambar TYT)**

Yang Amat Dikasihi Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama  
Mohd Khalil bin Yaakob,  
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Datin Seri Utama Zurina  
binti Kassim,**

Sempena pagi yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh  
warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan,  
setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Tuan Yang  
Terutama Tun Canselor untuk bersama menyempurnakan Majlis  
Konvokesyen ke 10 UTeM. Kami seluruh warga Universiti  
senantiasa, mendoakan Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan  
**Toh Puan** serta keluarga dikurniakan kesihatan yang baik dan  
berpanjangan dan mengharapkan Tuan Yang Terutama Tun  
Canselor dapat terus memimpin Universiti juga Negeri Melaka ke  
arah yang gemilang.

**Bertuah hidup di bumi Melaka,  
Berkat kepimpinan yang bijaksana,  
Dibawah pemerintahan Tuan Yang Terutama,  
Rakyatnya hidup aman sejahtera.**

**Sirih pinang pembuka bicara,  
Dibawa mari ke Pulau Sebang,  
Memahat nama di serata dunia,  
Semoga Melaka terus gemilang.**

**Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya  
untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin.**

## **SALUTASI**

**(Slide 3: Gambar Konvo 10)**

Yang Berbahagia, Tan Sri Datuk Dr Johari Bin Mat, Pro Canselor  
UTeM dan Yang Berbahagia Puan Sri Datin Zarina Binti Fazle  
Hussein

Y.Bhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh, Pro Canselor UTeM dan  
Yang Berbahagia Datin Wira Saudah binti Rahmat

Yang Berbahagia Tan Sri. Dato' Ir. (Dr) Hj Ahmad Zaidee Bin  
Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM dan Yang  
Berbahagia Puan Sri Datin Rusila Binti Abdul Razak

Y.B. Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar, Setiausaha Kerajaan  
Negeri Melaka, Merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti  
dan Yang Berbahagia Datin Wira Hjh. Rafeah Hanim binti Johari

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Tajudin bin Ali dan Yang  
Berbahagia Puan Sri Datin Amnah binti Jaffar

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti Dan Isteri

Datuk Seri-Datuk Seri, Datin Seri-Datin Seri, Datuk-Datuk, Datin  
Datin, Naib Canselor-Naib Canselor, Rektor-rektor, Wakil-Wakil  
dari universiti tempatan dan antarabangsa, Wakil-Wakil Dari

Industri, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Staf, Para Ibu Bapa, Graduan serta Hadirin Yang Dihormati Sekalian.

***Cincin permata di jari manis,  
Hiasan tersohor si anak puteri;  
Menjunjung kasih bicara majlis,  
Merai graduan bergraduasi.***

## **A) MUKADDIMAH**

**(Slide 4 – Gambar MH370, MH17)**

Sidang Hadirin Sekalian,

Pada kesempatan ini, bagi pihak seluruh warga universiti, saya ingin menzahirkan rasa sedih terhadap tragedi yang menimpa penumpang-penumpang serta anak-anak kapal pesawat MH370 dan MH17.

**(Slide 5 - Staf dan pelajar UTeM & Al-Fatihah)**

Begitu juga perasaan sedih di atas pemergian beberapa orang staf dan pelajar UTeM sepanjang tahun 2014 ini.

Sehubungan dengan itu, ucapan takziah serta simpati yang sangat mendalam, terutama kepada kepada seluruh anggota keluarga, rakan taulan dan kenalan. Semoga mereka semua terus cekal dan tabah dalam menempuh dugaan yang amat berat lagi mencabar ini. Kepada yang beragama Islam, marilah kita

sedekahkan Ummul Kitab Al-fatihah dan kepada yang beragama lain, kita bertafakur sejenak.

### **(Slide 6 – Gambar Konvo tahun lepas)**

TYT Tun & Sidang Hadirin Sekalian,

Alhamdulillah, pertamanya setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapatlah kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini bagi meraikan para graduan pada Majlis Konvokesyen ke 10 UTeM yang penuh adat istiadat tradisi keilmuan. Juga selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., semoga kita semua mendapat syafaat daripadanya.

Bagi pihak seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing sehingga layak bergelar graduan pada Majlis Konvokesyen kali ini. Ini membuktikan keupayaan anda mentransformasikan potensi diri agar terus cemerlang demi manfaat diri sendiri, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada para ibu bapa dan ahli keluarga di atas sokongan dan dorongan yang telah diberikan kepada anak-anak ini sehingga mereka berjaya melakar sejarah peribadi dalam hidup mereka. Sesungguhnya bekalan ini amat bernilai kepada graduan menjadi insan terbilang.

**Para Hadirin Sekalian,**

**(Slide 7 – Statistik Graduan Konvo 10)**

Majlis Konvokesyen ke – 10 UTeM akan berlangsung dalam 4 sesi iaitu selama 2 hari bermula hari ini, bakal menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 2,396 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian berbanding hanya 2,113 orang graduan pada konvokesyen tahun 2013. Jumlah besar tersebut merangkumi 12 penerima penganugerahan Ijazah Peringkat Doktor Falsafah di mana jumlah ini juga merupakan jumlah tertinggi sepanjang hampir 14 tahun penubuhan Universiti dan jumlah ini juga termasuk penerima sulung Ijazah Doktor Kejuruteraan (DEng); Seterusnya, 173 Ijazah Sarjana, 1,700 Ijazah Sarjana Muda dan 511 Diploma. Sesi pagi ini juga menyaksikan penganugerahan Anugerah Khas yang julung kali dianugerahkan kepada graduan yang memperoleh pencapaian cemerlang industri. Buat pertama kali ini, Anugerah Khas disumbangkan oleh Infineon Technologies (M) Sdn Bhd dan Keysight Technologies (M) Sdn Bhd (Agilent). Dalam usia 14 tahun penubuhan UTeM, Universiti telah berjaya melahirkan seramai 15,130 orang graduan dalam pelbagai bidang kejuruteraan, ICT dan Teknologi Pengurusan. Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang ke arah pencapaian ini.

**(Slide 8 – Gambar PIDK)**

Pada sesi pertama ini, kita telah menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Y.Bhg. Tan Sri

Datuk Dr. Ahmad Tajudin bin Ali sebagai pengiktirafan di atas sumbangan Y.Bhg. Tan Sri, dalam pembangunan kejuruteraan terutamanya, dalam bidang tenaga, dan mekanikal yang amat berguna dalam membantu Universiti memenuhi bidang tujuhan. Tahniah Tan Sri!.

### **(Slide 9 – Gambar Syabas dan Tahniah Graduan)**

Selain itu, sesi pertama Majlis Konvokesyen ini turut menyaksikan seramai 12 graduan Ijazah peringkat Doktor Falsafah, 173 graduan Ijazah Sarjana, dan 313 graduan Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah menerima ijazah masing-masing.

## **STATUS SEMASA UTeM & PENCAPAIAN**

Para Hadirin Sekalian

### **(Slide 10 – Visi Misi UTeM)**

Bagi merealisasikan Visi dan Misi, Universiti memerlukan suatu usaha yang besar yang menuntut perubahan yang terancang dan terarah memandangkan tuntutan aspirasi kini yang kian meningkat serta ditambah dengan pelbagai cabaran yang menuntut komitmen jitu, serta inovasi untuk UTeM terus menjulang nama ke persada antarabangsa.

## PROGRAM AKADEMIK

### (Slide 11 – Program dan pengiktirafan akademik)

Dalam usaha untuk terus merintis dan menerajui bidang teknikal dan teknologi, UTeM amat menitikberatkan kualiti dan kecemerlangan program-program akademik yang dijalankan. Usaha pemeraksanaan program akademik UTeM diteruskan dengan penawaran 5 program kejuruteraan secara asas luas yakni broadbased mulai sesi pengajian 2014/2015. Pelaksanaannya melibatkan semua pelajar tahun satu program pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Menerusi penawaran program kejuruteraan secara asas luas, para pelajar mampu memantapkan lagi penguasaan ilmu kejuruteraan, di samping menerapkan ciri-ciri kreatif dan inovatif, di sepanjang proses pembelajaran di universiti ini. Pembaharuan ini adalah salah satu usaha UTeM dalam menyediakan program akademik yang relevan dengan keperluan pasaran pekerjaan, dan juga memenuhi kehendak jaminan kualiti, sekaligus mencerminkan komitmen universiti dalam memberi nilai tambah dalam keilmuan dan kapasiti negara, dalam melahirkan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. UTeM merupakan IPTA pertama yang menjumudkan 18 program kejuruteraan kepada 5 program kejuruteraan secara asas luas untuk mengoptimumkan kemudahan, sarana dan sumber universiti sejajar dengan *tagline* universiti iaitu “**Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui.**”



Selain itu, semua program akademik di peringkat pra siswazah yang telah melahirkan graduan, telah mendapat akreditasi sepenuhnya dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Sehingga kini, UTeM mempunyai 77 program di peringkat pra dan pasca siswazah iaitu 7 program Doktor Falsafah, 4 Doktor Kejuruteraan, 1 Doktor Teknologi Maklumat, 35 Program Sarjana dalam Mod Penyelidikan, Kerja Kursus dan Mod Campuran di samping 25 Program Ijazah Sarjana Muda dan 5 Diploma. Saya ingin memaklumkan bahawa bermula tahun ini Program Doktor Teknologi Maklumat (DIT) telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada 30 April 2014 dan kemasukan pelajar akan bermula pada sesi II 2014/2015.

### **(Slide 12 – Gambar PSTP dan penggunaan ipad)**

Sidang Hadirin Sekalian,

Dalam usaha memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran, Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) telah ditubuhkan bagi mengukuh dan menyokong sarana keilmuan di UTeM. Menerusi penubuhan PSTP, proses pengajaran dan pembelajaran dalam subjek terpilih dilaksanakan dengan penggunaan ipad. Selain itu, antara inovasi lain yang telah diperkenalkan adalah pendekatan pembelajaran secara *flip learning* dan *Massive Open Online Courses* (MOOC) yang sejajar dengan visi dan misi dasar e-pembelajaran negara yang berkehendak untuk tranformasi ke arah berdaya saing global menerusi wahana e-Pembelajaran di samping membuka peluang

pendidikan yang berkualiti, adil dan saksama menerusi e-Pembelajaran.

### **(Slide 13– Gambar Pelaksanaan MOOC)**

PSTP bersama Pusat Komputer dan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran juga telah dipertanggungjawabkan untuk membangun dan menyediakan infrastruktur pengajaran dan pembelajaran berdasarkan *Online Learning* bagi memastikan kejayaan pelaksanaan MOOC di UTeM. Bermula dari sesi akademik 2014/2015, 4 kursus rintis MOOC telah dibangunkan menggunakan platform Openlearning.com iaitu kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia, Hubungan Etnik, Keusahawanan dan Literasi IT. Dengan pelaksanaan MOOCs, teknologi e-Pembelajaran yang terkini semakin jelas berupaya menjadikan IPT lebih berdaya saing dan kompetitif di peringkat global serta berupaya melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran tanpa batasan. Sejak tahun lalu, berdasarkan kepakaran yang dimiliki di UTeM, Universiti telah diamanahkan untuk mengetuai gerak kerja jawatankuasa pelaksanaan MOOC di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **ENROLMEN PELAJAR**

Para hadirin sekalian

### **(Slide 14 – Statistik kemasukan pelajar baru)**

UTeM terus menjadi pilihan pelajar dari dalam mahupun luar negara bagi meneruskan pengajian di peringkat tinggi. Ini terbukti

pada pengambilan baru sesi 2014/2015, seramai 2,586 pelajar telah mendaftar di UTeM bagi mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma termasuk 13 pelajar antarabangsa daripada negara Yemen, Jordan, Palestin, Somalia, Chad dan Indonesia.

### **(Slide 15 – Pemerksaan TEVT)**

Selaras dengan perkembangan terkini bidang teknikal dan teknologi negara, UTeM turut komited dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dalam bidang teknologi kejuruteraan. Sebagai makluman, UTeM merupakan universiti teknikal pertama dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang berjaya menubuhkan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dengan 10 penawaran program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan. Pada sesi kemasukan pelajar yang lepas, FTK telah melakukan pengambilan pelajar tertinggi iaitu seramai 663 orang pelajar sekaligus mempunyai bilangan pelajar yang tertinggi iaitu 2,307 orang pelajar berbanding fakulti yang lain. Jumlah ini meletakkan UTeM sebagai universiti terkehadapan dalam penawaran program Teknologi Kejuruteraan di kalangan semua IPTA di Malaysia. InsyaAllah pada Majlis Konvokesyen Ke 11, tahun hadapan, akan terlakar sejarah apabila graduan sulung Fakulti Teknologi Kejuruteraan bakal menerima Ijazah masing-masing. Bagi tujuan pengiktirafan dan kelayakan sebagai ahli profesional, pihak kerajaan melalui Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi bakal membentangkan satu rang undang-undang baru pada sesi Parlimen akan datang iaitu berkaitan rang undang-undang Lembaga Teknologis Malaysia - MBOT. UTEM juga terlibat secara aktif dalam

pembentukan rang undang-undang dan diamanahkan merangkan pelaksanaan Majlis Pengakreditasi Teknologi Kejuruteraan - ETAC

**(Slide 16 – enrolmen pelajar keseluruhan)**

Menerusi pengambilan sesi 2014/2015 juga, enrolmen pelajar pra siswazah di UTeM kini telah mencecah 10,153 orang pelajar manakala enrolmen pelajar pasca siswazah pula adalah berjumlah 1,050 orang, menjadikan jumlah keseluruhan enrolmen pelajar di UTeM, kini seramai 11,203 orang pelajar.

**(Slide 17 – gambar pelajar antarabangsa)**

Daripada jumlah tersebut seramai **393** orang pelajar antarabangsa daripada **25** buah negara sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian di UTeM. Untuk makluman semua seramai 50 orang graduan antarabangsa turut menerima ijazah masing-masing pada Konvokesyen kali ini. Pelbagai usaha dipergiatkan oleh Pejabat Antarabangsa dan Pusat Pengajian Siswazah bagi menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa terutama pelajar pascasiswazah untuk meneruskan pengajian peringkat tinggi di UTeM.

## **PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**Hadirin dan Hadirat Sekalian**

## (Slide 18 – SMT- CoE )

Pada tahun 2014, UTeM mensasarkan peruntukan keseluruhan geran penyelidikan berjumlah RM12 juta. Sehingga September 2014, UTeM telah memperolehi peruntukan keseluruhan geran penyelidikan berjumlah RM7.56 juta bagi membiayai 131 projek penyelidikan termasuk 1 geran antarabangsa iaitu *International Centre For Genetic Engineering & Biotechnology*, Italy berjumlah RM143,081.00. Usaha bersepadu bagi meningkatkan sumber perolehan geran swasta dan antarabangsa masih terus dilaksanakan agar tidak hanya bergantung kepada geran kerajaan dan universiti. Selari kearah merintis bidang penyelidikan, UTeM telah mengorak langkah dengan melakukan perubahan dalam mengembleng bidang tujahan Teknologi Pembuatan Termaju dan bidang kelestarian kejuruteraan yang menjadi bidang tujahan baru, yang kini dinamakan sebagai Teknologi Pembuatan Lestari atau Sustainability Manufacturing Technology (SMT). SMT iaitu teknologi berasaskan pengkomputeran dalam penghasilan tenaga manusia, mesin dan peralatan untuk merancang juga mengawal proses pengeluaran termasuk perolehan bahan mentah, bahagian dan komponen serta penghantaran produk yang sempurna. Empat teras utama yang menyokong SMT ialah Teknologi Hijau, Interaksi Manusia dan Teknologi, Kejuruteraan Sistem dan Teknologi Mendatang.

Selain itu penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) di UTeM juga berperanan memperhebatkan hasil penyelidikan berimpak tinggi yang memenuhi keperluan industri. Manakala Pusat Kecemerlangan Kompeten dari segi teknikal dan dipacu oleh industri, iaitu *Technically Competent and Industry Driven* atau

dikenali sebagai TyCoE merupakan antara strategi unik UTeM dalam arena penyelidikan bersama industri.

### **(Slide 19 – MTUN CoE)**

Bagi memakmurkan lagi inisiatif penyelidikan, UTeM menerusi MTUN CoE telah bersetuju untuk memberi sinergi kepada kekuatan satu bidang *niche* iaitu dinamakan Teknologi Hijau dan Bahan Lestari. Kekuatan MTUN sedia ada dalam *niche* ini diyakini dapat menjayakan agenda MTUN CoE dan mencapai objektif penubuhannya. Bidang *niche* ini merangkumi tiga kluster utama iaitu Kluster Pengurusan Bahan Buangan (*Waste Management*), Kluster Pembangunan Teknologi (*Technology Development*) dan Kluster Pembangunan Produk (*Product Development*). Lanjutan dari itu, geran penyelidikan CoE MTUN telah diwujudkan bagi membentuk jalinan penyelidikan antara universiti-universiti MTUN.

### **(Slide 20 – Statistik Award Penyelidikan)**

Menerusi keunikan dan tahap inovasi tinggi produk UTeM, sejak daripada konvo yang lalu, UTeM telah memperolehi 39 pingat melalui pertandingan produk penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa iaitu Malaysia Technology Expo (MTE) 2014, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2014, dan Seoul International Invention Fair (SIIF) 2013. Pada bulan November 2014, UTeM akan menghantar 5 produk ke Seoul International Invention Fair (SIIF), Korea, 5 produk ke BioMalaysia &

Bioeconomy Asia Pasific 2014 dan 3 produk ke Malaysia Road Conference Invention & Innovation Exhibitions (MRC-IEE) 2014 untuk dipertandingkan.

**(Slide 21 – Gambar My 2nd Eye)**

Dari aspek pengkomersilan, UTeM turut mara ke hadapan dengan kejayaan mengkomersilkan 2 produk penyelidikan iaitu My Second Eye dan dan G-Coupon. My 2nd Eye ialah peranti elektronik bagi membantu mengesan halangan bagi orang cacat penglihatan hasil ciptaan inovatif kumpulan penyelidik muda UTeM yang diketuai oleh Engr. Anuar bin Mohamed Kassim. Pengkomersilan My2nd Eye melalui penjualan produk kepada Standard Chartered Bank Malaysia Berhad sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) dan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM).

**(Slide 22 – Gambar G- Coupon)**

Manakala aplikasi G-Coupon – Smart Green Parking Coupon yang memberi solusi pintar yang berkesan dalam mengatasi masalah parkir telah berjaya dihasilkan oleh kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Sazilah binti Salam. Produk mesra persekitaran ini telah menjadi pilihan Syarikat Arus Rentas Sdn. Bhd. menerusi pembelian harta iltelek (IP) secara mutlak (outright sale) bernilai RM150,000.00. Menerusi kejayaan produk ini, telah menjadi pemangkin agar penyelidik UTeM terus mempertingkatkan hasil penyelidikan yang dapat memenuhi



pembangunan masyarakat, industri dan negara di samping menjana pendapatan universiti.

**(Slide 23 – Gambar Kerjasama UTeM – Kerajaan Negeri Melaka)**

Suka saya kongsi bahawa UTeM turut menjalinkan hubungan erat bersama Kerajaan Negeri Melaka dalam mengorak langkah ke arah pembangunan negeri yang lebih terancang dalam merealisasikan hasrat mencapai status Melaka Maju Fasa ke 2. UTeM turut menyokong dan mengambil bahagian dalam usaha membangunkan sebuah pelabuhan antarabangsa berkapasiti tinggi untuk meningkatkan lagi aktiviti ekonomi negeri Melaka di samping bekerjasama dalam projek-projek pembangunan teknologi hijau di Negeri Melaka.

Dalam usaha mengeratkan lagi hubungan Universiti bersama Kerajaan Negeri Melaka, UTeM turut memberi fokus kepada hasrat kerajaan negeri dalam mencapai status bandar teknologi hijau menjelang tahun 2020. Bagi menyokong hasrat ini, UTeM telah menubuhkan Pusat Kecemerlangan yang diberi nama Centre for Renewable Energy and Energy Efficiency (CentTREE) di bawah Fakulti Kejuruteraan Elektrik sebagai pusat penyelidikan dalam bidang Tenaga Diperbaharui (Renewable Energy) dan Keberkesanan Tenaga (Energy Efficiency) di samping usaha menerapkan elemen kelestarian (Sustainability) dalam kursus-kursus yang dikendalikan di UTeM. Lokasi UTeM yang strategik di Bandar Warisan Dunia UNESCO, turut memungkinan UTeM untuk mempromosikan dan memperkenalkan lagi Negeri Melaka ke persada dunia menerusi program-program bertaraf antarabangsa. Sebagai contoh, UTeM



telah berjaya menjadi tuan rumah untuk Program Infosys yang dijalankan selama sebulan bagi dua kumpulan yang melibatkan 200 orang peserta IPT seluruh Negara yang dikendalikan di dua lokasi iaitu di Kings Hotel Melaka dan Wana Riverside Hotel Melaka. Melalui program ini, UTeM dapat memperkenalkan Negeri Melaka secara lebih dekat lagi kepada pengunjung luar. Ini membuktikan komitmen UTeM dalam menjayakan agenda *edu-tourism* Negeri Melaka.

## **PENGANTARABANGSAAN**

### **(Slide 24 – MOU dan MOA Universiti Antarabangsa)**

#### **Hadirin dan Hadirat Sekalian.**

Dalam era globalisasi, strategi pengantarabangsaan menjadi satu keperluan yang kritikal. Menyedari kepentingan itu, UTeM terus memperkukuhkan elemen strategik untuk pembangunan yang sinergistik menerusi MoU dan MoA yang ditandatangani bersama Universiti luar yang tersohor seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jepun, Korea, Jerman, Ireland, Turki, Sudan, Indonesia, China dan Arab Saudi.

### **(Slide 25 – Jaringan Strategik)**

Selain daripada MTUN, UTeM turut menjadi ahli dalam beberapa jaringan strategik termasuklah Asea Uninet, International Association of Universities (IAU), Eurasian Universities Union (EURAS) dan The Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAIHL). Antara manfaat yang diperolehi menerusi jaringan ini adalah kerjasama dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, pertukaran staf dan pelajar, latihan bersama,

serta perkongsian pintar ke arah pengemaskinian perkembangan teknologi terkini.

### **(Slide 26 – Mobiliti Pelajar)**

Pada tahun 2014, pertama kali program mobiliti diperluaskan ke Timur Tengah iaitu Turki di mana seramai 5 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik telah dihantar ke Marmara University untuk mengikuti program mobiliti berkredit. Selain itu lebih 100 pelajar terlibat dengan program mobiliti berkredit dan tanpa kredit di sekitar Indonesia, Jerman, Korea, Taiwan, Perancis dan Jepun. Menerusi program mobiliti ini pelajar dapat memperkasakan kemahiran insaniah dan mendapat pendedahan antarabangsa agar mampu berperanan di arena global kelak setelah bergraduat.

### **(Slide 27 – Pusat Akademik TokushimaU – UTeM)**

Satu lagi pencapaian cemerlang UTeM tahun 2014 ialah penubuhan Pusat Akademik TokushimaU – UTeM di Kampus Induk, pada 23 September 2014. Penubuhan pusat ini adalah inisiatif Fakulti Kejuruteraan Pembuatan bersama Tokushima University, Jepun. Pusat akademik yang dilengkapi dengan peralatan canggih bagi tujuan persidangan video HD, persidangan suara & telepresence yang dapat merapatkan jurang hubungan antarabangsa antara UTeM dan Tokushima Universiti bagi perkongsian pintar dan melaksanakan aktiviti penyelidikan.

## **PEMANTAPAN ORGANISASI**

### **(Slide 28 – 7S McKinsey)**

#### **Sidang Hadirin Sekalian**

Dalam mengukuhkan lagi pengurusan tadbir urus, universiti telah mengadaptasi kerangka 7S McKinsey yang terdiri daripada elemen Strategi, Struktur, Sistem, Perkongsian Nilai (Shared Values), Kemahiran (Skill), Gaya (Style) dan Staf.

### **(Slide 29 – 6 Tema dan Buku PS)**

Menerusi kerangka ini, ia mampu meningkatkan lagi prestasi dan kecemerlangan universiti menerusi pembentukan strategi-strategi baru yang akhirnya akan memberi kesan terbaik kepada kualiti dan keberkesanan pengurusan universiti. Bagi merealisasikan hasrat ini, Pelan Strategik yang telah dilancarkan pada 3 Oktober 2012 akan menjadi asas kepada pengwujudan pelan tindakan.

### **(Slide 30 & 31– Carta Lama dan Baru)**

Pemantapan organisasi UTeM diteruskan dengan mengorak langkah ke arah penstrukturan semula dengan hasrat ia dapat meningkatkan impak kepada produktiviti pusat tanggungjawab yang terlibat. Penstrukturan ini bukan sahaja melibatkan penyusunan semula perjawatan di Pusat Tanggungjawab sedia ada, tetapi juga melibatkan pewujudan dua entiti baru iaitu Pusat Pengkomersilan dan Majlis Profesor UTeM. Malah menerusi cadangan penstrukturan ini juga UTeM telah melantik seorang Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

yang akan memantau aspek pembangunan, kesejahteraan dan kelestarian UTeM secara keseluruhan.

Selain itu penjenamaan semula beberapa buah Pusat Tanggungjawab turut dilaksanakan antaranya Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi telah diberi nafas baru sebagai Pusat Strategik, Kualiti & Pengurusan Risiko di mana fungsi Pusat telah diperkasakan bagi memantau pencapaian Visi dan Misi UTeM agar terlaksana. Dalam usaha pemerkasaan Alumni UTeM maka pemantauan fungsi bahagian ini akan dipindahkan daripada Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni kepada Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat.

Semoga melalui penstrukturan ini akan meningkatkan lagi kecekapan pengoperasian dan segala urusan dapat terlaksana dengan lebih sistematik serta berkesan. InsyaAllah. Struktur baru ini akan dikuatkuasakan pada 16 Oktober 2014. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti atas sokongan serta usaha murni dalam memantapkan pentadbiran dan pengurusan UTeM.

## **KEBOLEHPASARAN GRADUAN**

**(Slide 32 – Kebolehpasaran Graduan)**

Hadirin dan hadirat sekalian

Untuk makluman, hasil kajian pengesanan graduan 2013, menunjukkan 84% graduan UTeM telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduasi. Berdasarkan maklum balas daripada graduan yang bergraduasi

pada Konvokesyen kali ini, peratusan graduan yang telah mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian sebelum Konvokesyen ini ialah 70% berbanding hanya 59.03% pada tahun 2013. Justeru itu, peratusan yang dijangka mendapat pekerjaan selepas 6 bulan bergraduat insya'allah akan melebihi 90%. Pencapaian UTeM ini amat membanggakan kerana ianya melepasi purata nasional iaitu 75%.

Alhamdulillah di atas komitmen yang dijalankan menerusi program yang berkaitan seperti kolaborasi Industry-CoE, Campus Connect Programme, UTeM CEO Roundtable, SME University Internship, Graduate Employability Enhancement And Added-Value Training, Program Graduate Leadership, Assessment and Development, penglibatan industri antaranya Proton, Dassaults System, Mawea Industries, CTRM menerusi MoU serta MoA dan penubuhan UTeM Career Connect telah membuka peluang kepada graduan UTeM terpilih dan menjadi perhatian pihak majikan. Tambahan lagi dalam meningkatkan kualiti pelajar, pelbagai aktiviti pelajar merangkumi 8 teras dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara turut ditekankan malah dalam memberi keunikan pendidikan di UTeM, asas keusahawanan dibekalkan dan ekosistem teknousahawanan yang dinamik didedahkan kepada para pelajar. Ingin saya maklumkan, menerusi kajian pengesanan graduan 2014 hampir 92% graduan UTeM diambil bekerja dengan industri dan swasta.

### **Slide 33 - IEM**

Di samping itu, dalam meningkatkan lagi kualiti siswa dan siswi serta graduan kejuruteraan, Universiti telah mewujudkan jaringan MoU bersama The Institution of Engineers Malaysia (IEM).

Menerusi hubungan strategik ini, sebanyak 85% siswa dan siswi kejuruteraan kemasukan sesi 2013/2014 telah didaftarkan sebagai ahli siswa IEM dan usaha murni ini diteruskan pada sesi kemasukan siswa dan siswi baru yang lepas juga kepada graduan kejuruteraan yang bergraduasi pada tahun ini. Pendaftaran siswa dan siswi serta graduan kejuruteraan dengan pihak IEM akan meningkatkan lagi pendedahan dan pengalaman menerusi perkongsian pakar dalam ceramah teknikal, seminar dan kursus sekaligus akan memperkasakan kualiti dan keupayaan siswa/siswi dan graduan kejuruteraan UTeM. Alhamdulillah pihak IEM telah memberi penganugerahan kepada UTeM sebagai Most Supportive Organisation For Recruitment Of Graduate Membership 2014. Para graduan kejuruteraan yang telah berdaftar dengan IEM dan Lembaga Jurutera Malaysia boleh menggunakan gelaran Engr. seperti mana yang terpapar pada skrin semasa sesi penganugerahan ijazah sebentar tadi.

## **PEMBINAAN KOLEJ KEDIAMAN BERKAPASITI 5000 PELAJAR**

### **Slide 34 – Kolej Kediaman**

Dalam menyediakan kemudahan yang kondusif kepada para pelajar, Alhamdulillah UTeM bakal meningkatkan kemudahan kolej kediaman berkapasiti 5,000 pelajar secara inisiatif pembiayaan swasta di Kampus Induk. Pembinaan ini amat penting bagi menyelesaikan isu penginapan pelajar yang kritikal bagi menampung peningkatan bilangan pelajar yang mengikuti pengajian di UTeM dari tahun ke tahun. Untuk makluman semua, sehingga kini hanya 55% pelajar mendapat kemudahan kolej kediaman yang terdiri daripada pelajar tahun satu dan tahun dua

dan universiti sedang berusaha untuk mencapai sasaran 70% bilangan pelajar mendiami kolej kediaman dalam kampus sepertimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **CABARAN**

Sidang Hadirin Sekalian

### **(A) Autonomi**

#### **Slide 35 – Audit Kesediaan Autonomi**

Sesungguhnya arus transformasi pendidikan dan ledakan globalisasi telah menghasilkan daya penggerak untuk UTeM berubah bagi berdaya saing, kreatif dan fleksibel dalam pengurusan tadbir urus agar hasrat menjadi pusat kecemerlangan pendidikan mampu dicapai. Sehubungan itu penganugerahan Universiti berautonomi merupakan inisiatif penting demi membentuk dan menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Universiti. Pada tarikh 14 hingga 15 Mei 2014, UTeM telah menjalani Audit Kesediaan Autonomi dan alhamdulillah melalui khabar yang diterima daripada Bahagian Governans, Kementerian Pendidikan Malaysia baru-baru ini, UTeM telah berjaya mendapat status autonomi seperti yang dihasratkan. Tahniah kepada seluruh warga Universiti. Menerusi penganugerahan autonomi ini, kerenah birokrasi dapat dikurangkan dan menjadi pemudah cara bagi membantu Universiti membangunkan model pengurusan yang mantap serta bergerak kepada perkara-perkara di luar amalan konvensional.

## **Slide 36 – Penarafan**

### **(B) Penarafan / Ranking Universiti**

Ingin saya maklumkan bahawa dalam penarafan terkini Webometrics, UTeM kini berada pada kedudukan ke 15 dikalangan 90 buah IPT Malaysia yang dinilai. Pada tahun 2014 juga, UTeM berhasrat untuk bersama-sama rakan IPT yang lain terlibat dalam penilaian QS University Ranking. Bagi menjayakan agenda ini usaha ke arah kecemerlangan ahli akademik, penyelidikan, program dan institusi perlu diberi penekanan yang serius demi mencapai aspirasi yang cemerlang.

## **Slide 37 – Higher Education Blueprint**

### **(C) Higher Education Blueprint**

Dalam memperkasakan dan mentransformasikan sistem pendidikan negara untuk lebih cemerlang terutama dalam sektor pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia bakal melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia peringkat Pendidikan Tinggi atau Malaysia Education Blueprint (Higher Education) pada masa terdekat. Pelan Pembangunan ini telah menyenaraikan sebanyak 10 idea-idea berimpak besar (big idea) dan UTeM terlibat secara langsung di dalam 2 idea besar tersebut iaitu Kualiti Graduan TEVT dan Pembelajaran Atas Talian secara Global. Dalam aspek kualiti graduan TEVT, UTeM sebagai salah satu anggota Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia telah diberi sasaran untuk mencapai nisbah enrolmen program teknologi kepada program kejuruteraan dengan nisbah 60:40 menjelang tahun 2015, 70:30 menjelang tahun 2020, seterusnya 80:20 pada tahun 2025 dan 2030. Dalam usaha untuk mencapai hasrat pembelajaran atas talian secara global pula,



UTeM telah diberi kepercayaan untuk menjadi pengerusi bersama (co-chair) idea besar pelaksanaan MOOC.

## **HARAPAN**

### **Slide 38 - Harapan**

#### **Para graduan yang dikasihi,**

Sebelum saya mengundur diri, saya ingin berpesan kepada para graduan agar terus menuntut ilmu secara berterusan, tingkatkan potensi diri anda dan cetuskanlah idea-idea yang bernas, kreatif dan inovatif untuk manfaat serta kemajuan diri, ibu bapa, masyarakat dan Negara. Jangan lupa kepada jasa ibu bapa kerana berkat doa dan kasih sayang yang diberikan selama ini memungkinkan anda bergelar graduan pada hari ini.

Sabda Rasulullah S.A.W yang maksudnya, “Redha Allah bergantung pada redha kedua-dua ibu bapa dan murka Allah bergantung pada murka kedua-dua ibu bapa”. **(Hadis Riwayat Hakim)**

“Sesiapa yang membuat ibu dan bapanya gembira (memberi keredhaan), maka sesungguhnya ia mendapat redha Allah s.w.t”. **(Hadis Riwayat Bukhari)**

Ribuan terima kasih juga kepada para pendidik UTeM yang sentiasa komited dalam menghasilkan modal insan UTeM yang cemerlang. Mari kita berikan tepukan yang gemuruh tanda terima kasih kepada semua ibu bapa, saudara mara dan para pensyarah atas jasa bakti yang telah mereka curahkan.

Kini anda merupakan Duta UTeM. Jagalah nama baik UTeM dan pertahankanlah sifat intergriti dan nilai murni dalam diri anda. Ingatlah walaupun anda telah menamatkan pengajian di UTeM, namun peluang anda untuk membantu UTeM mencipta kejayaan demi kejayaan masih terbuka luas iaitu menerusi penglibatan dalam Persatuan Alumni UTeM.

Indah berseri cincin berlian,  
Elok dipakai bertatah permata,  
Menggilap potensi kepelbagaian insan,  
Berkemahiran teknikal bersahsiah mulia.

Congkak kayu jadi kurnia,  
Wira perkasa beradu sama,  
Generasi penerus harapan bangsa,  
Semarak ilmu membangun Negara.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

Sekian sahaja ucapan saya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan **Yang Amat Berbahagia Toh Puan** di atas kesudian hadir ke majlis Konvokesyen Ke 10 UTeM sesi pertama. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan **Yang Amat Berbahagia Toh Puan** begitu besar ertinya buat kami semua. Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.